



## PRESS RELEASE

---

### **SC reminds PLCs - financial statements must comply with approved accounting standards**

The Securities Commission (SC) today reminded public-listed companies of their legal obligation to comply with approved accounting standards in the preparation and presentation of their financial statements.

Under the Securities Industry (Compliance with Approved Accounting Standards) Regulation 1999, every listed company, its directors and chief executive shall prepare and present the company's financial statements in accordance with approved accounting standards for financial periods ending on or after 30 June 1999.

This reminder is given following the SC's review of financial statements of 100 companies for the financial years ended 1998 and 1999 on compliance with the International Accounting Standards - IAS 7 (Cash Flow Statement). In the review, the SC focused on compliance with IAS 7 on the basis that the cash flow statement is an important tool for evaluating the financial viability of a business enterprise. Cash flow is an important element of a business as it determines the liquidity and long-term survival of the business.

Through the review, the SC intends to create awareness among public-listed companies (PLCs) on the need to comply with approved accounting standards. With that awareness it is hoped that PLCs will address deficiencies in their subsequent financial statements in accordance with the requirements of approved accounting standards.

The findings of the review of IAS 7 revealed several common reporting deficiencies relating to, among others, the following areas:

- **adjustment of non-cash transactions**

In applying the indirect method, paragraph 18(b) of IAS 7 requires the adjustment of non-cash transactions to the net profit or loss in the cash flow statement. Non-cash items that were not adjusted included the provision for doubtful debts, provision for slow-moving stocks and various provisions that were charged or credited to the profit and loss account.

From the review, 6% of the companies reviewed should be commended for their presentation of the cash flows from operating activities using the direct method, which is encouraged under Paragraph 19 of IAS 7, and in doing so, these companies are not required to identify and adjust non-cash items.

- **disclosure of accounting policy used for determining cash and cash equivalent components**

Companies also typically did not disclose or inadequately disclosed the accounting policy



## PRESS RELEASE

---

used for determining cash and cash equivalent components, contrary to paragraph 46 of IAS 7.

The SC also found that some companies included borrowings such as revolving credit, short-term borrowings and term loans as a component of cash and cash equivalents, which are generally considered as financing activities, in accordance with the standard.

- **presentation of interest paid and received**

Interest paid and received was not presented separately and consistently in the cash flow statement as either operating, investing and financing activities, as required by the standard. Several companies that had capitalised their interest also failed to disclose this item as interest paid in the cash flow statement.

- **classification of cash flow transactions**

The SC found that companies often made errors in the way they classified cash flow items. Several companies did not classify their cash flow transactions in accordance with their nature of trade and non-trade, which should then be classified according to their purpose i.e. for operating, investing or financing activities, as prescribed by the standard.

- **identification of assets and liabilities of subsidiaries acquired or disposed**

Companies also had a tendency of not identifying or inadequately disclosing the assets and liabilities of subsidiaries disposed/purchased.

- **presentation of foreign exchange differences arising from translation of foreign subsidiaries**

Most companies with foreign subsidiaries did not present the exchange differences arising from translation of foreign subsidiaries separately from operating, investing and financing activities, as provided in the standard.

- **presentation of investing and financing activities**

Another area of non-compliance is the presentation of investing and financing activities as net instead of gross amount, contrary to the requirements of the standard.

In addition, resulting from the diversity of reporting practices, the SC found that certain areas of the standard gave rise to differing interpretations. These interpretations aggravated the non-compliance issues and should be addressed in order to have a consistent and uniform application and presentation of the cash flow statement, for ease of comparability.



## PRESS RELEASE

---

The SC has and will communicate its findings to the respective companies with major deficiencies. The affected companies have acknowledged the need for their cash flow statements to be refined and would be taking concerted efforts towards ensuring that all aspects of approved accounting standards are rigorously applied in the presentation of their future financial statements.

The SC on its part will be monitoring these companies and if the corrective actions are not forthcoming, the SC will initiate additional regulatory steps, including enforcement actions where appropriate.

It is important that preparers of financial statements exercise diligence and take an active role in making themselves integral constituents within a disclosure-based regulatory (DBR) regime, where enhanced transparency, accountability and comparability of financial statement will be paramount. In this respect, the SC would like to see improvement in the quality of disclosure in financial statements by PLCs.

In addressing the above, the SC will also be working with the industry such as the Federation of Public-listed Companies (FPLC), the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and the Malaysian Accounting Standards Board (MASB) to facilitate greater compliance and understanding of the Malaysian accounting standards.

As a point of clarification, financial statements for the period ended 30 June 2000 must comply with the Malaysian Accounting Standards Board standards including MASB 5, which has replaced IAS 7 and is consistent in all material respect with IAS 7. The SC is currently conducting a review of the extent of compliance with MASB 1 - Presentation of Financial Statements and MASB 5 - Cash Flow Statements.

**SECURITIES COMMISSION**  
**16 April 2001**



## PRESS RELEASE

---

### **SC mengingatkan syarikat awam tersenarai - penyata kewangan mesti mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan**

Suruhanjaya Sekuriti (SC) hari ini mengingatkan syarikat awam tersenarai (PLCs) mengenai tanggungjawab perundangan mereka untuk mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan dalam penyediaan dan pengemukaan penyata kewangan.

Di bawah Peraturan Perindustrian Sekuriti (Pematuhan kepada Piawaian Perakaunan yang Diluluskan) 1999, setiap syarikat tersenarai, para pengarah dan ketua eksekutifnya hendaklah menyediakan dan mengemukakan penyata kewangan syarikat mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan bagi tempoh kewangan berakhir pada atau selepas 30 Jun 1999.

Peringatan ini diberikan berikutan kajian oleh SC ke atas penyata kewangan 100 buah syarikat bagi tahun-tahun kewangan berakhir 1998 dan 1999 mengenai pematuhan kepada Piawaian Perakaunan Antarabangsa - IAS 7 (Penyata Aliran Tunai). Dalam kajian tersebut, SC memberi tumpuan kepada pematuhan IAS 7 berdasarkan bahawa penyata aliran tunai merupakan kaedah penting bagi menilai kekukuhan kewangan sesuatu perniagaan. Aliran tunai adalah elemen penting sesuatu perniagaan kerana ia menentukan kecairan dan kewujudan jangka panjang perniagaan tersebut.

Melalui kajian tersebut, SC bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan PLCs akan perlunya pematuhan kepada piawaian perakaunan yang diluluskan di dalam penyediaan penyata kewangan mereka. Dengan kesedaran ini, adalah diharapkan bahawa PLCs akan dapat menangani kelemahan di dalam menyediakan penyata kewangan mereka yang berikutnya sejajar dengan keperluan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Hasil kajian ke atas IAS 7 menunjukkan beberapa kelemahan umum, diantaranya, perkara-perkara berikut:

- **Pelarasan urus niaga bukan tunai**

Dalam menggunakan kaedah tidak langsung, perenggan 18(b) IAS 7 mengkehendaki pelarasan urus niaga bukan tunai kepada keuntungan bersih atau kerugian dalam penyata aliran tunai. Butiran bukan tunai yang tidak diselaraskan termasuk peruntukan hutang ragu, peruntukan stok lembab dan pelbagai peruntukan yang dicajkan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

Daripada kajian tersebut, 6% syarikat yang dikaji harus dipuji kerana menggunakan kaedah langsung dalam membentangkan aliran tunai daripada aktiviti operasi, seperti yang digalakkan oleh perenggan 19 IAS 7. Dalam menggunakan kaedah ini syarikat tidak dikehendaki untuk mengenal pasti dan membuat pelarasan butiran bukan tunai.

## PRESS RELEASE

---

Penzahiran dasar perakaunan bagi menentukan komponen tunai dan tunai setara Syarikat pada kebiasaannya tidak menzahirkan dengan lengkap atau gagal menzahirkan dasar perakaunan bagi menentukan komponen tunai dan setara tunai. Amalan ini tidak memenuhi kehendak perenggan 46 IAS 7.

SC juga mendapati beberapa syarikat telah mengambil kira pinjaman seperti kredit pusingan, pinjaman jangka pendek dan berjangka, yang biasanya dianggap sebagai aktiviti pembiayaan mengikut kehendak IAS 7, sebagai komponen tunai dan setara tunai.

- **Pembentangan faedah yang dibayar dan diterima**

Faedah yang dibayar dan diterima tidak dibentangkan secara berasingan dan konsisten dalam penyata aliran tunai sama ada sebagai aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan, sebagaimana yang dikehendaki oleh IAS 7. Beberapa syarikat yang didapati mempermodakan faedah juga gagal untuk menzahirkannya sebagai faedah yang dibayar dalam penyata aliran tunai.

- **Klasifikasi urus niaga aliran tunai**

SC mendapati syarikat kerap melakukan kesilapan dalam mengklasifikasikan butiran aliran tunai. Beberapa syarikat didapati tidak mengklasifikasikan urus niaga aliran tunai mereka mengikut dasar dagangan dan dasar bukan dagangan. Pengkelasan ini juga hendaklah dilakukan mengikut tujuannya iaitu sama ada sebagai aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan, sepertimana yang dikehendaki oleh IAS 7.

- **Pengenalpastian aset dan liabiliti subsidiari yang diperoleh atau dijual**

Syarikat juga mempunyai kecenderungan untuk tidak mengenal pasti atau menzahirkan secara lengkap aset dan liabiliti subsidiari yang dibeli/dijual.

- **Pembentangan perbezaan tukaran asing yang terhasil daripada terjemahan subsidiari asing**

Kebanyakan syarikat yang mempunyai subsidiari asing tidak membentangkan perbezaan pertukaran daripada terjemahan subsidiari asing daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan secara berasingan, sebagaimana yang dikehendaki oleh IAS 7.

- **Pembentangan aktiviti pelaburan dan pembiayaan**

Satu lagi ketidakpatuhan yang didapati ialah pembentangan aktiviti pelaburan dan pembiayaan sebagai jumlah bersih. Amalan ini tidak menepati kehendak IAS 7 yang memerlukan pembentangan aktiviti-aktiviti tersebut sebagai jumlah kasar.



## PRESS RELEASE

---

Hasil daripada kepelbagaian amalan pelaporan, SC juga mendapati beberapa peruntukan dalam IAS 7 yang memberi penafsiran yang berbeza-beza. Penafsiran yang berbeza-beza ini memburukkan lagi isu-isu ketidakpatuhan dan perlu ditangani bagi menjamin aplikasi dan pembentangan penyata aliran tunai yang konsisten dan seragam, bagi memudahkan perbandingan.

SC telah dan akan terus memaklumkan hasil kajiannya kepada syarikat yang mempunyai kelemahan yang ketara. Syarikat berkenaan mengakui tentang perlunya penyata aliran tunai mereka diperbaiki dan seterusnya mengambil langkah untuk memastikan semua aspek piawaian perakaunan yang diluluskan dipatuhi sepenuhnya dalam pembentangan penyata kewangan berikutnya.

SC, bagi pihaknya, akan terus mengawasi syarikat-syarikat ini. Sekiranya tiada tindakan pembedahan dilakukan, SC akan mengambil langkah pengawalseliaan tambahan, termasuklah mengambil tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian.

Adalah penting bagi penyedia penyata kewangan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih tekun dan memainkan peranan yang aktif sebagai konstituen utama dalam sistem pengawalseliaan berteraskan penzahiran (DBR), di mana peningkatan dalam ketelusan, akauntabiliti dan perbandingan penyata kewangan menjadi perkara utama. Bagi memenuhi tujuan ini, SC ingin melihat peningkatan dalam kualiti penzahiran dalam penyata kewangan oleh PLCs.

Dalam menangani perkara di atas, SC juga akan bekerjasama dengan pihak industri seperti Persekutuan Syarikat Awam Terserai (FPLC), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi meningkatkan tahap pematuhan dan pemahaman ke atas piawaian perakaunan Malaysia.

Sebagai penjelasan, penyata kewangan bagi tempoh berakhir 30 Jun 2000 perlu mematuhi piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia termasuklah MASB 5, yang menggantikan IAS 7 di mana MASB 5 adalah konsisten dalam segala aspek yang matan dengan IAS 7. SC kini sedang menjalankan satu kajian ke atas tahap pematuhan kepada MASB 1 - Pembentangan Penyata Kewangan dan MASB 5 - Penyata Aliran Tunai.

**SURUHANJAYA SEKURITI**  
**16 April 2001**